

07/02/2002

Zabri tangguh keputusan

KESATUAN Olahraga Amatur Malaysia (KOAM) diberikan ruang bernafas buat seketika oleh Pesuruhjaya Sukan yang menangguhkan keputusannya terhadap badan induk itu sehingga selepas pertemuannya dengan Presiden KOAM Datuk Syed Mohamad Aidid Syed Murtaza, Isnin ini.

Pertemuan itu adalah usaha terakhir buat KOAM untuk menyelamatkan dirinya daripada tindakan penggantungan oleh Pesuruhjaya Sukan, Datuk Mahamad Zabri Min.

Selepas itu, tiada lagi peluang dengan Mahamad Zabri akan membuat keputusan muktamad terhadap KOAM sebelum 16 Februari ini.

Justeru, tempoh seminggu yang diberikan itu, KOAM, terutama presidennya, Syed Aidid perlu merayu, menagih simpati dan meyakinkan Pesuruhjaya Sukan supaya tidak menggantungnya.

"Ada dua sebab kenapa saya mahu berjumpa dengan Presiden KOAM itu. Pertama, kerana Syed Aidid sendiri menyatakan beliau boleh memberikan maklumat lanjut mengenai KOAM yang mungkin tidak dapat dinyatakan dalam surat jawapannya kepada saya.

"Kedua, saya masih bersikap terbuka kepada sebarang cadangan kepada masalah KOAM. Saya tidak mahu orang beranggapan kami mahu menggunakan kuasa yang ada dalam Akta Pembangunan Sukan 1997.

"Saya memberi peluang kepada KOAM untuk memberikan hujahnya dan selepas itu barulah saya akan membuat keputusan muktamad mengenai perkara ini. Saya harap kita akan dapat membuat keputusan yang bijak dan bukan tergesa-gesa," kata Mahamad Zabri.

Turut hadir dalam sidang akhbar itu Menteri Belia dan Sukan Datuk Hishammuddin Tun Hussein.

Isnin lalu, Syed Aidid sepatutnya mengadakan pertemuan dengan Mahamad Zabri serta menyerahkan jawapan balas kepada surat tunjuk sebab Pesuruhjaya Sukan bertarikh 21 Januari lalu.

Bagaimanapun pertemuan itu tidak dapat diadakan selepas Mahamad Zabri terpaksa mengambil cuti kecemasan.

Mahamad Zabri turut menyatakan beliau sudah mengadakan perbincangan dengan semua anggota Pasukan Petugas Khas Olahraga mengenai jawapan balas KOAM itu, tapi enggan menyatakan apakah keputusan pasukan khas itu.

"Kita sudah berbincang mengenai surat KOAM ini dengan Pasukan Petugas Khas Olahraga. Jadi, tidak perlulah saya nyatakan apakah bentuk keputusan atau pendapat mereka mengenai kandungan surat itu.

"Juga tidak perlu saya nyatakan sama ada saya berpuashati dengan hujah KOAM. Biarlah saya bertemu dengan Syed Aidid dan dengar apa yang ingin diperkatakannya," kata Mahamad Zabri.

Sementara itu, Hishammuddin berkata, janganlah ada pihak membuat tanggapan salah mengenai perkara ini termasuk peluang yang diberikan Pesuruhjaya Sukan dengan mengadakan pertemuan bersama Syed Aidid.

Mengenai memorandum KOAM kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Hishammuddin berkata beliau tidak mendapat apa-apa maklumat mengenainya.

"Perdana Menteri tidak menyatakan apa-apa mengenai memorandum KOAM itu. Seperti yang saya katakan dulu, KOAM perlu menggunakan saluran sedia ada," katanya.

(END)